

PM umum program Latihan Kemahiran Industri ECRL di UMP bermula September

# Kursus teknologi kereta api diperkenal

**PEKAN** – Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal memperkenalkan pengajian dalam bidang teknologi kereta api, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, bidang pengajian itu dilihat sebagai keperluan pada masa kini berdasarkan perkembangan semasa dalam bidang pengangkutan negara termasuk pembinaan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang akan dirasmikan pada September ini.

“Saya letakkan satu lagi KPI (petunjuk prestasi utama) untuk universiti ini, jika selama ini lebih kepada pengurusan dalam bidang automotif, tetapi kali ini

saya hendak ia beri tumpuan kepada teknologi kereta api.

“Ia juga sesuai dengan kedudukan UMP Kampus Gambang ini yang berhampiran dengan laluan ECRL yang mana projek besar ini nanti kita akan lancar pada September akan datang,” katanya.

Terdahulu, Najib hadir pada majlis pelancaran Masjid UMP dan Raikan Syawal Perdana Menteri bersama lebih 2,000 warga UMP dan komuniti di Kuala Pekan di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Naib

Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pengajian yang dinamakan Program Latihan Kemahiran Industri ECRL itu dijangka akan bermula pada September ini dengan pengambilan pertama seramai 300 pelajar.

Projek pembinaan ECRL akan menyediakan landasan menghubungkan Pelabuhan Klang ke Gombak, Selangor; Gombak ke Kuantan, Pahang seterusnya hingga ke Tumpat, Kelantan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2022.

Di Pahang, laluan ECRL akan melalui Kota SAS, Kuantan Sentral, Gambang, Maran, Mentakab, dan Bentong.

Selain UMP, institusi lain yang menawarkan kursus yang sama ialah Universiti Tun Hussien Onn di Kluang, Johor.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib menghadiri



NAJIB menyaksikan majlis penyerahan replika cek daripada Ketua Pegawai Syariah Bank Islam Malaysia Berhad, Mohd. Nazri Chik (dua dari kiri) kepada Daing Nasir (dua dari kanan) di Pekan semalam.

majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia (PITKM) cawangan Pahang di Universiti Automotif Malaysia

DRB-Hicom di sini.

Najib turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan cenderahati kepada 20 ibu tunggal yang berusia 75 tahun ke atas.